

Pelajar mesti hadapi dunia

BH 23 JAN 2002

Oleh Kadir Dikoh

BANGI, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pelajar supaya bersedia menghadapi realiti dunia pekerjaan yang jauh berbeza dengan kehidupan kampus selain mempunyai sikap betul supaya dapat menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan.

Perdana Menteri berkata, pelajar juga tidak harus berharap pekerjaan tetap, gaji lumayan dan

ilmu pengetahuan saja tidak mencukupi sebaliknya graduan perlu memiliki sikap ingin berjaya

mahu terus menjadi ketua setelah mendapat ijazah.

"Ilmu pengetahuan saja tidak cukup kerana sikap kita ketika menjayakan tugas bukan sahaja menentukan kejayaan diri bahkan organisasi tempat kita bekerja.

"Sebelum bekerja, kita perlu tahu perbezaan iklim dalam dan luar universiti. Kalau tidak, kita tidak dapat bekerja dengan sempurna," katanya berucap merasmikan Hari Kerjaya ke-20 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di kam-

persiapkan diri pekerjaan: PM

pus induknya di sini.

Hadir sama, Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad; Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Aziz Shamsudin; Pro Canselor UKM, Tengku Tan Sri Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail; Pengerusi Lembaga Penarah UKM, Tan Sri Mohd Rashdan Baba dan Ketua Eksekutif Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton); Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff.

Kira-kira 41 syarikat yang mewakili sektor perban-

kan, kewangan, insurans, komputer, elektronik, automobil dan petroleum menyertai hari kerjaya anjuran Urusetia Kerjaya, Unit Rundingcara Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UKM.

Proton Bhd adalah penaja utama hari kerjaya UKM kali ini dengan sumbangan RM15,000.

Perdana Menteri berkata, keupayaan menyesuaikan diri dalam persekitaran pekerjaan amat penting kerana ia amat berbeza dengan dunia universiti.

Katanya, di universiti awam, masyarakat kampus lebih ramai Bumiputera tetapi keadaannya adalah sebaliknya di universiti swasta.

"Tetapi persekitaran kerja di luar universiti adalah gambaran sebenar komposisi masyarakat berbilang kaum di negara ini," katanya.

Beliau berkata, graduan

universiti awam yang gagal menyesuaikan diri dalam alam pekerjaan yang lebih ramai bukan Bumiputera tidak akan berjaya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, pelajar yang sudah bekerja juga tidak harus mengharap gaji lumayan kerana ia tidak pernah cukup.

"Apa yang penting ialah kepuasan kita bekerja, hasil kerja yang baik dan membantu menjayakan organisasi tempat kita bekerja," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, mereka yang berminat untuk berniaga perlu menimba pengalaman sebagai pekerja di mana-mana syarikat bersesuaian bagi memastikan kejayaan perniagaan mereka kelak.

Katanya, peredaran masa bukan saja menjadikan Malaysia lebih membangun malah meningkatkan tahap penguasaan ilmu masyarakat dan jumlah graduan

yang dihasilkan.

"Kerajaan tidak mampu menyediakan pekerjaan kepada semua graduan, sebaliknya bidang perniagaan dan perusahaan yang semakin berjaya di Malaysia turut mewujudkan peluang pekerjaan.

"Kita juga jangan terlanju memilih pekerjaan berdasarkan bidang kelulusan yang diperoleh. Kita boleh bekerja di bidang lain terlebih dahulu sebelum mendapat pekerjaan dalam bidang pilihan," katanya.

Beliau juga menceritakan pengalamannya menjadi doktor pelatih yang cuma dibayar RM400 sebulan dan kemudiannya dinaikkan kepada RM401 sebulan.

"Pengalaman sebagai doktor pelatih amat berguna. Kalau nak dinilai pengalaman yang diperoleh itu, sayalah yang sepatutnya membayar bukannya dibayar," katanya.